

KONSEP PEMBIAYAAN DAN PINJAMAN DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM

Sharifah Faigah Syed Alwi
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU)
Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang, 26400 Bandar Jengka, Pahang

Abstrak: Kajian ini adalah mengenai konsep pembiayaan dan pinjaman yang terdapat dalam sistem kewangan Islam. Masyarakat umum kebanyakannya menyamakan konsep pembiayaan kewangan yang diamalkan di bank-bank Islam yang bebas dari amalan riba dengan konsep pinjaman kewangan yang diamalkan di bank-bank konvensional yang berasaskan riba. Kajian ini akan membincangkan realiti perbezaan konsep pembiayaan dan konsep pinjaman yang terdapat dalam sistem perbankan di Malaysia hari ini. Sesungguhnya konsep pembiayaan yang diamalkan di dalam sistem perbankan Islam di Malaysia hari ini bebas dari unsur riba yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Manakala konsep pinjaman yang diamalkan di dalam sistem perbankan konvensional pula jelas mengandungi unsur riba.

Kata kunci : Pembiayaan, Pinjaman, Kewangan Islam

PENDAHULUAN

Kewangan Islam merujuk kepada suatu sistem kewangan Islam yang dibentuk dengan beransur-ansur semenjak zaman Rasulullah s.a.w. Sehingga pada zaman Sayyidina Umar al-Khattab r.a. barulah terbentuk sistem kewangan Islam ini secara lebih tersusun. Setelah itu, dari masa kesemasa sistem tersebut diperbaiki dan diperkembangkan. Pada prinsipnya, sistem kewangan ketika itu hanya tertumpu kepada sektor awam sahaja dan berpusatkan perbendaharaan negara atau baitulmal.


Jikalau ditinjau dari sudut sejarah, hanya beberapa institusi kewangan sahaja yang jelas pernah diwujudkan oleh orang Islam iaitu baitulmal, waqf dan takaful. Namun, sistem kewangan Islam di Malaysia hari ini telah melibatkan institusi-institusi kewangan yang berperanan penting meningkatkan kemajuan ekonomi negara dan masyarakat Islam khususnya seperti Bank Islam Malaysia Berhad dan bank-bank komersil yang telah menggunakan operasi perbankan secara Islam, syarikat-syarikat insurans yang beroperasi secara Islam seperti Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Syarikat Takaful Nasional serta Lembaga Tabung Haji yang bertanggung jawab menguruskan tabungan sebilangan besar umat Islam yang ingin menunaikan fardu haji.

Sistem kewangan Islam mestilah dibentuk berdasarkan prinsip-prinsip yang berlandaskan syariat dan bermatlamat untuk mengumpulkan modal yang mencukupi untuk pengeluaran, penggunaan dan penukaran. Sistem kewangan Islam juga mestilah boleh mengagihkan modal kepada sektor-sektor yang benar-benar memerlukan di samping boleh membawa faedah kepada masyarakat keseluruhannya. Sistem kewangan Islam perlulah mewujudkan keadaan ekonomi yang makmur dan bersih daripada segala jenis kesempitan daruri di peringkat individu dan seterusnya dapat mewujudkan keadilan dan ihsan di peringkat masyarakat. Satu perkara penting yang tidak dapat dinafikan ialah sistem kewangan Islam mestilah bebas dari sebarang amalan riba yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Ini berbeza sama sekali dengan sistem ekonomi konvensional atau kapitalis yang hidup serta beroperasi bertunjangkan amalan riba.

PERBINCANGAN

Keperluan Manusia Kepada Sumber Kewangan Atau Pembiayaan

Setiap individu dalam komuniti sejak zaman jahiliyyah sehinggalah zaman kedatangan Islam memerlukan pembiayaan sama ada bagi memenuhi kehendak ekonomi yang berkaitan dengan pengeluaran atau penggunaan. Gambaran bagi memenuhi kehendak (hajat pembiayaan) seseorang individu atau masyarakat ini dapat dilihat seperti berikut :



Rajah 1. Memenuhi kehendak (Hajat Pembiayaan)

Sumber : Abdul Halim Ismail (1992), "Sistem Kewangan Islam" (Kertas Kerja Nadwah Pembangunan Islam Kelantan di Kota Bharu, 24-26 Ogos 1992), h. 6.[1]

Daripada rajah 1 di atas, sesebuah syarikat atau seseorang individu memperolehi modal daripada orang lain bagi memenuhi kehendak atau hajat pembiayaannya melalui dua cara iaitu pembiayaan ekuiti (equity financing) dan pembiayaan hutang (debt financing). Dua cara pembiayaan ini lahir dari tabiat semulajadi atau fitrah manusia dan bukan ditetapkan oleh sesiapa jua pun.

Pembiayaan Ekuiti dan Pembiayaan Hutang Dalam Amalan Masyarakat Arab Sebelum Islam

Bagi mengetahui pandangan Islam terhadap pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang ini, satu rujukan perlu dibuat terhadap amalan perniagaan dan perdagangan masyarakat Arab sebelum Islam. Hasilnya, ternyata para peniaga dan pedagang Arab telah lama mengamalkan pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang dalam aktiviti perniagaan dan perdagangan mereka.

Bagi pembiayaan ekuiti, masyarakat Arab mengamalkannya melalui Kontrak-kontrak Perkongsian Untung ('Uqūd al-Isytirāk) iaitu :

- Al-Mudārabah (Perkongsian Untung "Amanah")
- Al-Musyārahah (Perkongsian Untung "Usahasama")
- Lain-lain

Bagi pembiayaan hutang pula, mereka mengamalkannya melalui dua cara iaitu :

a. *Kontrak-kontrak Pertukaran Bertanggung (Al-Bay' (jual beli)/ al- Tijārah (perniagaan)/ al-Dayn (hutang)/ 'Uqūd al-Mu'āwadāt (Aqad atau kontrak pertukaran)) seperti :*

- Jualan Harga Tangguh (Al-Bay' bi-Thaman Ājil)
- Jualan Dengan Tambahan Untung (Bay' al-Murābahah)
- Sewaan (Al-Ijārah)
- Jualan Salam (Bay' al-Salam)
- Jualan Tempahan (Bay' al-Istisnā')

b. *Pinjaman Berasaskan Riba (Al-Ribā al-Nasi'ah)*

Dalam cara yang pertama iaitu kontrak-kontrak pertukaran, ia berlaku apabila sesuatu komoditi atau perkhidmatan ditukarkan dengan komoditi yang lain atau dengan wang. Dalam urusan komersil, kontrak-kontrak pertukaran berlaku dalam kontrak jual beli dan kontrak sewaan yang membabitkan hubungan di antara penjual dan pembeli atau di antara orang yang menyewakan barangan dan penyewa (lessor-lessee). Kontrak-kontrak pertukaran boleh jadi dalam bentuk tunai atau bertangguh. Apabila salah satu pihak yang berkontrak membuat pembayaran secara bertangguh maka kontrak itu akan menjadi kontrak pertukaran bertangguh yang sama seperti jual beli hutang. Pertukaran bertangguh ini melahirkan sistem hutang yang akhirnya menjadi instrumen pembiayaan hutang.

Pinjaman berasaskan riba bukan berasaskan kontrak pertukaran tetapi berasaskan pinjaman (misalnya pinjaman wang) iaitu hubungan kontrak yang berlaku di antara penghutang dan pemiutang. Ia berlaku apabila pemiutang meminjamkan wangnya kepada penghutang dan penghutang perlu membayar semula hutangnya dengan tambahan dalam bentuk faedah. Pinjaman berasaskan riba juga melahirkan satu sistem hutang dan merupakan instrumen pembiayaan hutang secara semulajadi.

Pembiayaan Ekuiti Dan Pembiayaan Hutang Dalam Kewangan Islam

Apabila Islam datang di kalangan masyarakat Arab, ia telah menghalalkan pembiayaan ekuiti melalui kontrak-kontrak perkongsian untung seperti yang diamalkan oleh masyarakat Arab sebelumnya. Mengenai pembiayaan hutang pula, Islam menghalalkan pembiayaan hutang melalui kontrak-kontrak pertukaran bertangguh tetapi mengharamkan pembiayaan hutang melalui pinjaman berasaskan riba.

Dalil yang mengharuskan pembiayaan ekuiti dijelaskan oleh al-Sunnah dan ia tidak disentuh secara langsung oleh al-Quran. Manakala bagi pembiayaan hutang pula, dalil yang mengharuskannya terdapat secara jelas di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Pinjaman dibenarkan dalam Islam tetapi tidak boleh melibatkan riba.

Sebenarnya dalam sesebuah sistem kewangan amat memerlukan kewujudan pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang. Ini bagi memenuhi semua kehendak setiap anggota masyarakat yang mempunyai kebebasan bekerja, memperolehi pendapatan dan memiliki harta. Kadangkala terdapat anggota masyarakat memerlukan kepada pembiayaan ekuiti dan di waktu yang lain, pembiayaan hutang pula diperlukan. Seandainya setiap anggota masyarakat ini di paksa mengambil pembiayaan ekuiti semata-mata bagi semua bentuk kehendak kewangan mereka, tentulah sistem masyarakat yang sebegitu akan menemui jalan buntu dan aktiviti kewangan akan menjadi kacau bilau.

Perbezaan Pinjaman dengan Pembiayaan Dalam Kewangan Islam

Pinjaman dalam bahasa Arab disebut al-Qard. Dari segi bahasa ia bererti al-Qat' iaitu memotong sebahagian daripada harta milik si pemberi pinjaman dan memberikannya kepada peminjam. Dari segi istilah, pinjaman bermaksud memberikan harta kepada seseorang yang akan memanfaatkan harta tersebut dan harta itu akan dipulangkan kepada tuannya sama seperti asalnya dengan akad yang tertentu.

Allah swt telah menggunakan istilah al-Qard ini di dalam al-Quran yang bermaksud pinjaman. Firman Allah swt:

مَنْ ذَا الَّذِي يقرضُ اللهُ قرضًا حسنًا ...

Bermaksud :

“Siapakah orang yang mahu meminjamkan kepada Allah suatu pinjaman yang baik.”

(Surah al-Baqarah (2) : 245)

Berdasarkan takrifan di atas, pinjaman bererti suatu akad yang diucapkan oleh peminjam ke atas barang yang dipinjam dan berjanji akan memulangkannya kepada pemberi pinjaman mengikut tempoh yang telah ditetapkan tanpa sesuatu syarat yang melebihi daripada jumlah pinjaman asal. Dalam sistem kewangan Islam, kontrak pinjaman dikenali sebagai Qard al-Hasan iaitu pinjaman kebajikan yang melibatkan pinjaman dengan pembayaran semula dengan jumlah dan jenis yang sama sekiranya ianya melibatkan barang-barang ribawi (usurious items) seperti emas, perak, wang dan sebagainya.

Oleh itu, seandainya seseorang meminjam wang RM1,000 daripada seseorang yang lain untuk tempoh 2 bulan, maka setelah berakhirnya tempoh pinjaman tersebut, seseorang itu hanya perlu membayar balik hutangnya dengan jumlah wang yang dipinjam sahaja. Jika si pemiutang (pemberi hutang) mensyaratkan agar si penghutang membayar balik hutangnya dengan tambahan walaupun dalam jumlah yang paling kecil seperti RM1, maka transaksi itu dikira sebagai riba yang diharamkan oleh Allah swt. Perlu diingat bahawa konsep pinjaman di dalam kewangan Islam tidak sekali-kali melibatkan pertambahan nilai pada jumlah barangan yang dipinjam.

Namun, Rasulullah s.a.w. amat-amat menggalakkan agar dalam pembayaran semula pinjaman atau hutang, si penghutang yang mempunyai kelebihan atau kemampuan agar memberi sagu hati kepada pemiutang atas dasar menghargai jasa baik yang telah diberikan oleh pemiutang kepadanya. Galakan Rasulullah s.a.w. tersebut hanyalah sebagai pendorong kepada pemiutang agar lebih merasa dirinya dihargai oleh penghutang dan mudah-mudahan di lain kali pemiutang akan lebih merasa mudah untuk meminjamkan wang kepada orang-orang yang berada dalam kesempitan kewangan.

Ini kerana di dalam dunia hari ini tiada orang yang inginkan kerugian dengan meminjamkan wang kepada orang tanpa mendapat apa-apa keuntungan sedangkan sekiranya dana itu dilaburkan ke institusi-institusi kewangan sudah pasti keuntungan dapat diraih. Namun dalam sistem ekonomi dan kewangan Islam, umat Islam amat digalakkan agar bersedia untuk membantu mana-mana saudara se agama yang berada dalam kesempitan kewangan dengan mengenyepikan hasrat untuk mendapat keuntungan semata-mata. Sebagai seorang Islam, wajib diyakini bahawa pertolongan yang diberikan kepada orang yang berada dalam kesusahan akan mendapat balasan daripada Allah swt. sama ada di dunia mahupun di akhirat.

Dengan adanya aqidah yang mantap di dalam diri seseorang muslim, ia akan menjadikan perkiraan hidupnya lebih panjang iaitu meliputi hidup sebelum dan selepas mati. Seluruh perlakuan akan diarahkan kepada kedua-dua kehidupan tersebut. Dengan adanya pertimbangan akhirat ini menyebabkan pilihan penggunaan atau perbelanjaan individu bertambah kerana adanya perbelanjaan untuk akhirat. Seseorang muslim bukan sahaja akan berbelanja untuk faedah segera, tetapi juga faedah yang tidak nampak yang hanya akan dirasai di akhirat (yang bernilai sifar atau negatif merujuk rasional dalam sistem ekonomi kapitalisme).

Bagi pembiayaan pula disebut dalam bahasa Arab sebagai al-Qirad oleh penduduk al-Hijaz yang bermaksud modal yang diberikan oleh pemodal kepada seseorang pengusaha untuk diurusniagakan yang mana keuntungan akan diberikan kepadanya. Manakala penduduk Iraq pula menyebut pembiayaan sebagai al-Mudārabah yang bermaksud pergi bermusafir di atas muka bumi untuk menjalankan perniagaan.

Dari segi istilah syarak, pembiayaan adalah suatu akad perjanjian urusanniaga antara pemodal dengan pengusaha. Dalam akad ini, pemodal bersetuju menghuarkan sejumlah wangnya kepada pengusaha untuk membiayai sesuatu perusahaan atau sesuatu perniagaan dan sama-sama berkongsi keuntungan yang diperolehi hasil dari perusahaan atau perniagaan tersebut.

Jika dilihat daripada pengertian konsep pinjaman dan konsep pembiayaan dalam Islam di atas, didapati bahawa konsep kedua-duanya amat berbeza. Ini kerana pinjaman membawa makna yang sangat terbatas di mana urusanniaganya lebih kepada bentuk kebajikan yang tidak menuntut apa-apa keuntungan daripada peminjam. Istilah pinjaman hanya sesuai ke atas semua bentuk urusanniaga kebajikan tanpa mengambil sebarang keuntungan atau faedah daripada peminjam. Kontrak pinjaman tanpa riba atau Qard al-Hasan merupakan salah satu daripada cabang kebajikan sosial di dalam sistem kewangan Islam. Manakala pembiayaan pula lebih kepada urusanniaga komersil yang berbentuk perniagaan. Segala produk yang diurusniagakan akan mengutamakan keuntungan yang seharusnya diperolehi daripada transaksi pembiayaan tersebut.

Jika dilihat kepada realiti transaksi institusi-institusi perbankan atau kewangan di Malaysia hari ini, penggunaan istilah pinjaman dan pembiayaan begitu ketara. Ini kerana bank-bank konvensional yang mengamalkan sistem perbankan dengan riba atau interest based banking system dalam pemberian pinjaman kepada peminjam menggunakan istilah pinjaman atau loan. Itulah sebenarnya yang diamalkan di bank-bank tersebut iaitu pemberian pinjaman wang dengan dikenakan tambahan faedah atau interest yang telah ditentukan di awal pemberian pinjaman tersebut untuk satu tempoh yang telah dipersetujui bersama di antara peminjam dan pihak bank. Inilah yang dikatakan riba di dalam Islam yang mana pinjaman wang tidak boleh dikenakan sebarang bayaran tambahan ke atas penghutang oleh pemiutang.

Jika dilihat pula dalam amalan bank-bank yang mengamalkan sistem perbankan tanpa faedah atau interest free banking system di Malaysia, didapati istilah yang digunakan dalam transaksi pemberian bantuan kewangan kepada pelanggan adalah pembiayaan atau financing. Ini kerana bank-bank ini

bukan memberi pinjaman wang kepada pelanggan bank tetapi mereka membantu pelanggan bank mendapatkan wang atau sesuatu aset yang dikehendaki dengan membelikan barangan tersebut (dengan dana yang dimiliki pihak bank) lalu aset tersebut dijual semula kepada pelanggan dengan harga baru yang lebih tinggi dari harga asal aset sebagai keuntungan yang diambil oleh pihak bank. Cara inilah yang disebut sebagai al-Bay' atau jual beli yang dihalalkan oleh Allah s.w.t. Sesungguhnya Allah s.w.t. telah menghalalkan al-Bay' (jual beli) dan mengharamkan riba sepertimana yang terdapat dalam surah al-Baqarah ayat 275.

KESIMPULAN

Setelah dilihat kepada pengertian konsep pinjaman dan pembiayaan dalam kewangan Islam jelas didapati perbezaan di antara kedua-duanya dari segi amalan dan operasi kedua-duanya. Konsep pembiayaan yang diamalkan dalam sistem kewangan Islam adalah menggunakan prinsip al-Bay' yang dihalalkan oleh Allah s.w.t. Manakala konsep pinjaman yang dipraktikkan oleh bank-bank konvensional adalah dengan prinsip riba al-Nasiah yang diharamkan oleh Allah s.w.t. Oleh itu, bagi semua umat Islam perlulah berhati-hati dalam mendapatkan sumber kewangan untuk pinjaman agar tidak terpedaya dengan amalan riba yang menghilangkan sama sekali keberkatan harta yang bakal dimiliki.

Sesebuah sistem kewangan Islam perlu mempunyai ciri-ciri yang khusus sebagai syarat untuk mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah s.w.t.. Sifat tolong menolong di antara sesama Islam dan segala kegiatan mestilah disertai dengan sifat yang digalakkan oleh Islam seperti kesederhanaan, ikhlas, benar dan bertimbang rasa adalah ciri-ciri yang perlu ada di dalam sebuah sistem kewangan Islam. Namun, ciri yang paling penting dalam sebuah sistem kewangan Islam ialah ia mesti bebas daripada segala larangan Allah s.w.t. termasuk riba, gharar, ihtikar (sorok barangan), penindasan, penipuan, pembaziran dan sebagainya.

RUJUKAN

1. Abdul Halim Ismail (1992)(b), "Sistem Kewangan Islam" (Kertas Kerja Nadwah Pembangunan Islam Kelantan di Kota Bharu, 24-26 Ogos 1992.